

BAB III

PENGAJIAN TASAWWUR ISLAM DALAM SEJARAH PENDIDIKAN

BAB III

PENGAJIAN TASAWWUR ISLAM DALAM SEJARAH PENDIDIKAN

3.1 PENDAHULUAN

Institusi pengajian tradisional Islam mula menghadapi zaman kemunduran dan kemerosotan selepas era penjajahan ke atas negara-negara umat Islam. Antara faktor yang membawa kepada kemerosotannya ialah perubahan nilai masyarakat, pengaruh sistem pengajian moden, pelbagai masalah dalaman dan pengaruh politik tanahair.

Usaha barat untuk meneruskan kesinambungan penjajahan ke atas umat Islam diteruskan dengan pelbagai perancangan halus dan rapi bagi menghancurkan dan memusnahkan unsur-unsur Islam.¹ Mereka telah berusaha menyebarkan aliran pemikiran mereka ke seluruh negara umat Islam.

Aliran pemikiran barat adalah merupakan usaha dan perancangan halus musuh Islam untuk memisahkan orang Islam dari agama mereka seterusnya meletakkan mereka sebagai pengikut kepada bangsa yang lain. Mereka berusaha untuk memburuk-burukkan risalah Islam dengan melaungkan pelbagai slogan. Antaranya mereka nyatakan bahawa Islam tidak sesuai untuk menyelesaikan

¹ Abū al-Hasan 'Alī al-Hasanī al-Nadawī (1968), *al-Sirā' Baina al-Fikrah al-Islāmiyyah Wa al-Fikrah al-Gharbiyyah*, Kuwait; Dār al-Kuwaitiyyah, h. 166.

masalah-masalah kemanusiaan hari ini, memisahkan antara agama dengan pemerintahan (politik), agama adalah dadah dan sebagainya.²

Sementara faktor dalaman pula, umat Islam sendiri yang bergelumbang dengan pelbagai masalah seperti kejahilan, budaya taqlid buta, pemimpin yang tidak amanah dan sebagainya.

Pelbagai tanggapan negatif, sempit dan tidak praktikal terhadap Islam, akan dapat diperjelaskan secara menyeluruh dengan pelaksanaan kurikulum yang lebih sistematik. Secara tidak langsung ia dapat memperbaiki konsepsi dan persepsi masyarakat terhadap Islam.

Justeru, fenomena tersebut telah melahirkan satu inisiatif untuk mewujudkan sistem pengajian Islam yang lebih tersusun dan sistematik serta seiring dengan sistem pendidikan masa kini.

Suasana umat Islam dan realiti semasa pada masa kini menuntut kepada penyusunan kurikulum dan pelaksanaan pelajaran tasawwur Islam. Pengajian Islam secara tidak formal belum mampu menangkis serangan luar musuh Islam yang sentiasa mencari peluang memerangi umat Islam sama ada secara serangan persenjataan atau penjajahan pemikiran dengan menggunakan kekuatan media alaf baru, iaitu media cetak dan media elektronik.

² Muhammad al-Bahī (1975), *al-Fīkr al-Islāmī al-Hadīth Wā Silatuhū Bi al-Isti'mār al-Gharbī*, Kaherah; Maktabah Wahbah, h. 221.

3.2 PERKEMBANGAN PENGAJIAN ISLAM DI KELANTAN

Negeri Kelantan merupakan pusat pengajian Islam yang terkenal bukan sahaja di semenanjung Tanah Melayu bahkan di seluruh Asia Tenggara. Perkembangan pengajian Islam di Kelantan telah bermula seawal-awalnya pada abad ke-16 lagi.³ Mulai penghujung abad ke-19, pengajian Islam telah tersebar dengan meluas terutamanya sekitar daerah Kota Bharu.

Kelantan telah menjadi tarikan para ulama untuk datang, tinggal dan mengajar ilmu-ilmu ugama dengan menubuhkan pusat-pusat pengajian. Adalah dipercayai orang yang paling awal menyampaikan pengajian Islam ialah Syeikh Haji Abdul Halim.⁴ Beliau merupakan orang yang mula-mula mengajar pengajian Islam di Kelantan secara teratur. Selepas kematiannya diganti pula oleh anak beliau bernama Haji Yaakob yang kemudiannya dilantik oleh Sultan Muhammad II (1839-1886) sebagai penasihat kepada baginda.⁵

Selepas itu Kelantan telah berkembang sebagai pusat pengajian yang berkembang pesat dengan lahirnya beberapa tokoh ulama' dan tumbuhnya pondok-pondok di serata negeri sehinggalah dapat dilihat pada hari ini.

³ Abdullah Alwi bin Haji Hassan (1980), "The Development Of Islamic Education In Kelantan", *Tamadun Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 190.

⁴ Beliau merupakan anak angkat kepada Sultan Long Yunus (1762-1794). Sultan telah menghantar Syeikh Haji Abdul Halim bersama putera baginda untuk mendalami ilmu agama di Mekah.

⁵ Abdul Halim Ahmad (1982), "Pendidikan Islam Di Kelantan", *Warisan Kelantan*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya, h. 1-6.

I. Masjid dan Surau

Masjid dan surau memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan agama Islam di Kelantan. Masjid dan surau pada masa dahulu dibina oleh tok guru⁶ dengan kerjasama penduduk hasil daripada pungutan wang dan derma di kalangan mereka.

Masjid dan surau disamping berperanan sebagai tempat ibadat, ia juga berfungsi sebagai pusat penyebaran dan tempat mengajar pelajaran agama. Para pelajar akan memenuhi halaqah pengajian mengikut waktu yang telah ditetapkan oleh tok guru. Masjid juga menjadi tumpuan bagi para pelajar untuk berbincang dan bermuzakarah.

Tarikh sebenar permulaan pengajian di masjid-masjid tidak dapat dipastikan, berpandukan kepada beberapa buah masjid tua yang terdapat di Kelantan dapatlah disimpulkan bahawa pengajian di masjid telah bermula dengan tertubuhnya masjid tersebut.⁷

Terdapat tiga buah masjid besar yang tua usianya di Kelantan. Masjid-masjid tersebut ialah Masjid Kampung Laut yang dipercayai berusia lebih daripada tiga ratus tahun dan merupakan masjid yang tertua di Malaysia.⁸

⁶ Gelaran kepada guru agama atau para ulama' bagi masyarakat Kelantan.

⁷ Nik Mohamad Nik Mohd. Salleh (1985), *Op. cit.*, h. 98

⁸ Abdul Rahman al-Ahmadi (1985), "Catatan Sepintas Lalu: Beberapa Perbandingan Antara Kelantan –Minangkabau", *Warisan Kelantan II*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar, h.99

Masjid yang kedua ialah Masjid Muhammadi yang telah dibina pada tahun 1867 M, kemudian diganti dengan bangunan baru pada tahun 1925 M. Sementara masjid yang ketiga tertua ialah Masjid Langgar yang dibina pada pertengahan abad ke-19 M.⁹

II. Institusi Pengajian Pondok

Perkataan pondok berasal daripada perkataan Arab iaitu (*funduqun*), yang bererti rumah tumpangan atau hotel. Dalam kamus al-'Asri, ia membawa erti tempat menginap. Menurut kamus al-Munjid, al-funduq membawa erti, tempat menginap pengembara-pengembara.¹⁰ Kamus Dewan mendefinisikan perkataan pondok sebagai rumah kecil yang didirikan untuk sementara, di sawah, di ladang atau di tempat-tempat yang lain.

Pondok dikenali juga sebagai madrasah, asrama atau tempat belajar agama. Pondok dapat diertikan sebagai tempat pengajian yang terdapat rentetan- rentetan rumah kecil atau pondok- pondok. Pondok juga diberi erti tempat tinggal pelajar-pelajar yang datang membawa barang-barang keperluan mereka.¹¹

⁹ Nik Mohamad Nik Mohd. Salleh (1985), *op.cit.* h. 98-99.

¹⁰ — (1960), *al- Munjid fi al-Lughah wa al-'Alām*, Beirut: Dār al-Mashriq, h. 597.

¹¹ *Op. Cit., Pendidikan Islam dan Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*, h. 197.

Ada pula yang mengatakan perkataan pondok sama ertinya dengan perkataan langgar. Langgar berasal daripada perkataan Parsi yang bererti madrasah atau tempat belajar. Di Indonesia, terdapat beberapa nama yang diberikan kepada pondok, seperti pesantren dan pejantren. Pesantren berasal daripada perkataan santri yang bererti pelajar agama. Oleh itu, pesantren merupakan tempat berkumpul dan menginap bagi santri-santri atau asrama bagi pelajar agama.

Mengikut pandangan Dr. Abdullah Ishak di dalam kertas kerjanya yang bertajuk "*Pengajian Pondok Dan kesannya terhadap Masyarakat di Malaysia*", kewujudan institusi pondok khususnya di Tanah Melayu merupakan hasil daripada cetusan evolusi pengajian Islam yang berlaku di rumah, masjid dan surau. Kewujudan itu, pada mulanya berpunca daripada seorang yang berpengetahuan agama di suatu daerah yang pada asasnya bertanggungjawab bagi menyampaikan pelajaran agama sekadar terdaya kepada keluarga dan jiran tetangga yang berdekatan. Antara pelajaran yang lazimnya disampaikan ialah membaca al- Qur'an dan pengetahuan asas agama seperti Tauhid dan Fiqh.

Ringkasnya, fenomena kewujudan institusi pondok di Tanah Melayu bermula daripada seorang alim yang tinggal di suatu daerah. Sekiranya alim ini pula terdiri daripada golongan yang berada , beliau akan mendirikan surau untuk dijadikan tempat belajar. Sebaliknya, jika orang alim tersebut bukan dari golongan yang berada, penduduk tempatan secara gotong- royong akan mendirikan sebuah rumah untuknya dan juga surau sebagai tempat pengajian.

Kadangkala, institusi pondok ini bermula daripada masjid atau surau yang sedia ada dan kemudian didirikan rumah tuan guru berhampiran dengannya. Seterusnya, barulah ibu- bapa mendirikan pondok-pondok kecil untuk anak masing- masing berhampiran dengan surau dan rumah tuan guru.

Sekolah Qur'an yang dianggap sebagai suatu institusi pengajian agama yang berbentuk formal di peringkat rendah telah menjadikan pengajian al-Qur'an di samping pelajaran Fiqh, Tauhid, Tajwid dan Sejarah sebagai kurikulumnya. Manakala institusi pondok dan madrasah yang lebih dianggap sebagai institusi pengajian Islam di peringkat menengah, telah menjadikan pelajaran al-Qur'an, Tafsir, Hadith, Fiqh, Tauhid, Nahu, Sarraf, dan Tasawuf sebagai kurikulumnya.

Kurikulum pengajian di institusi-institusi pondok negeri Kedah, Kelantan, dan Terengganu didapati mempunyai persamaan dan hampir serupa, cuma terdapat beberapa perbezaan mata pelajaran dan kitab yang digunakan. Walau bagaimanapun, kurikulum pengajian pondok dititikberatkan *ilmu-ilmu naqliyah* di samping *ilmu 'asriyah* (perantaraan atau ilmu bantu) yang lain.

Antara ilmu yang dimaksudkan ialah *membaca al-Qur'an, Tajwid, Usuluddin, Fiqh, Usul Fiqh, Tasawuf, Tafsir, Hadith, Mutala'ah, Nahu, Saraf, Arudh, Balaghah, Falak, Kesusasteraan Islam, Bahasa Arab, Sejarah Islam* dan ubat-ubatan bagi sesetengah pondok.

Pondok terawal yang didirikan di Kelantan dipercayai muncul pada abad ke-19 M iaitu pada tahun 1820 M oleh Tuan Guru Haji Abdul Samad bin Abdullah¹². Pondok ini didirikan di Pulau Chondong , yang letaknya di Jalan Kuala Krai, 28 kilometer dari Kota Bharu. Beliau juga lebih dikenali dengan nama Tok Pulau Chondong (1792-1874). Beliau mendapat pendidikan awal di Pattani, kemudian meneruskan pengajiannya di Mekah. Tuan Guru Haji Abdul Samad telah menjadi perintis dalam memperkenalkan sistem pondok di Kelantan.

Di antara pondok-pondok yang telah didirikan di Kelantan sebelum 1910M ialah Pondok Tok Pulau Chondong 1820, Pondok Tok Bachok pada tahun 1900, Pondok Kubang Pasu Kota Bharu pada 1900, Pondok Haji Abdul Malik, Tumpat pada 1907, Pondok Haji Yusuf, Pulau Ubi, Geting Tumpat pada 1908, Pondok Sungai Budor, Pondok Kampung Banggol, Pondok Tuan Padang dan Pondok Tok Semian yang diasaskan oleh Haji Wan Abdul Samad bin Mohd Salleh atau lebih dikenali dengan gelaran Tuan Tabal.¹³

Sistem pendidikan Islam tradisional atau pondok telah menuju ke zaman gemilangnya pada awal abad ke-20. Pada zaman inilah pondok-pondok terdiri dengan banyaknya dan tersebar dengan luasnya di Kelantan. Pada ketika itu, sistem pendidikan pondok telah mencapai kemajuan yang gilang gemilang,

¹² Terkenal dengan panggilan Tok Pulau Chondong. Dilahirkan di Kampong Bukit, Pulau Chondong pada tahun 1207h (1792m). Ayah beliau ialah Fakih Haji Abdullah bin Imam Hasyim yang berasal dari kampong Bira, Patani.

¹³ Nik Mohamad Nik Mohd Salleh (1985), *op. cit.*, h. 98.

bahkan ada sesetengahnya yang purata penuntutnya mencapai angka lebih dari seribu orang.¹⁴

Menurut William R. Roff, pendidikan pondok semakin berkembang hasil peranan yang dimainkan oleh murid-murid Tuan Tabal.¹⁵ Tuan Tabal mengajar ilmu agama dalam bidang fiqh, tauhid, usuluddin dan tasawuf. Beliau adalah pengasas kepada ajaran Tariqat Ahmadiyah di Jajahan Kota Bharu.¹⁶

Sekitar tahun 1900, pendidikan pondok telah mendapat persaingan dari sekolah berbentuk sekular yang ditaja oleh British. Sekolah sekular ini telah dibina di Kota Bharu pada tahun 1904. British telah menggunakan berbagai cara untuk menarik minat rakyat ketika itu kepada sekolah sekular. Antaranya dengan mengatakan sekolah berbentuk pondok itu adalah primitif kerana mata pelajarannya tidak sama dengan sekolah Inggeris. Manakala sistem pengajiannya hanya mengajar sedikit sahaja cara menulis dan membaca.¹⁷ Walau bagaimanapun, usaha-usaha British ini tidak begitu berjaya. Rakyat ketika itu lebih berminat kepada pengajian agama yang bersistemkan kepada sekolah berbentuk pondok.

¹⁴ *Ibid.*, h. 104.

¹⁵ William R. Roff (1974), *Kelantan: Religion, Society And Politics In A Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 155.

¹⁶ Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan (1977), *Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 44.

¹⁷ Wan Burhadin Wan Omar (1983), Yayasan Pengajian Tinggi Islam (sehingga 1974), *Islam Di Kelantan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 93.

Sekitar tahun 1950–1970-an, sistem pondok masih mendapat sambutan dari orang ramai, tetapi pada hakikatnya selepas tahun 1945, ia merupakan zaman kemalapan dalam sistem pengajian pondok. Dapatlah dirumuskan, selepas kedatangan Jepun, pengaruh pondok telah mengalami kemerosotan sedikit demi sedikit. Keadaan ini semakin berterusan selepas negara mencapai kemerdekaan. Terdapat juga pondok-pondok yang telah ditutup dan ada juga yang telah menukar sistem pengajiannya kepada sistem sekolah. Contohnya pada tahun 1958, Pondok Bunut Payung, Kota Bharu telah diubahsuai menjadi Madrasah Islamiah dan Pondok Haji Mohd Noor di Kampung But menjadi Madrasah Sa'adah al-Qura pada tahun 1970.¹⁸

Antara sebab utama yang membawa kemunduran institusi pondok ialah telah timbul perubahan-perubahan di dalam perkembangan pendidikan Islam di Kelantan. Ini kerana pada masa itu telah muncul Sekolah-sekolah Agama Majlis dan Rakyat yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar serta sekolah-sekolah Melayu kerajaan negeri yang lebih teratur dan selesa daripada pondok.

Sungguhpun begitu tidak dapat dinafikan bahawa sepanjang kewujudan institusi pondok dan perkembangannya di negara ini, ia dapat memainkan berbagai peranan terutama menerusi bidang pelajaran dan pendidikan, di mana akhirnya ia berjaya meninggalkan berbagai kesan yang sukar dilupakan oleh masyarakat setempat.

¹⁸ Nik Mohamad Nik Mohd Salleh (1985), *op. cit.*, h. 109.

III. Sekolah Agama

Selepas era penjajahan, sistem pendidikan di Tanah Melayu pada keseluruhannya telah mengalami perubahan yang begitu ketara. Pada pertengahan kurun ke-20 Masihi, institusi pengajian tradisional Islam mula menghadapi zaman kemunduran dan kejatuhan. Antara faktor yang membawa kemundurannya ialah perubahan nilai masyarakat, pengaruh sistem pengajian moden, berbagai masalah dalaman dan pengaruh politik tanahair.

Justeru fenomena tersebut, telah lahir usaha daripada golongan reformis Islam untuk mewujudkan sistem pengajian Islam yang lebih tersusun dan seiring dengan sistem pendidikan moden yang telah diperkenalkan oleh barat. Maka lahirlah sekolah-sekolah agama yang berkembang maju dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada lapisan masyarakat. Sekolah agama rakyat dan kerajaan adalah merupakan salah satu daripada pusat pendidikan Islam yang penting di Kelantan. Tujuan penubuhan sekolah-sekolah agama ini adalah untuk mendidik dan melahirkan kadi, imam dan pegawai-pegawai yang berpelajaran di samping untuk menyebarkan agama Islam itu sendiri.¹⁹

Setakat yang diketahui pendidikan Islam secara persekolahan di Kelantan bermula pada tahun 1904 M apabila sekolah-sekolah agama telah didirikan di Kota Bharu. Tetapi ada pula yang mengatakan sekolah agama yang pertama di

¹⁹ Rahim bin Abdullah (1983), *Pelajaran Pondok Di Negeri Kelantan dalam Beberapa Aspek Warisan Kelantan II*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 3-4.

negeri Kelantan telah dibina pada tahun 1910 M, iaitu sekolah Madrasah Khairiyyah di Lorong Tok Semian, Kota Bharu.²⁰ Mata pelajaran yang diajar pada masa itu ialah mengaji al-Qur'an dan Bahasa Arab.

Selepas penubuhan Majlis Agama Islam Kelantan atau MAIK pada tahun 1915, beberapa langkah telah diambil bagi memajukan sistem pendidikan di Kelantan. Antaranya dengan membuka sekolah, sekolah pertama yang dibina oleh Majlis ialah pada 5 Ogos 1917 dengan nama Madrasah Muhammadiyah al-Kelantaniah. Ia terbahagi kepada tiga bahagian, salah satu darinya adalah sekolah agama yang terletak di Masjid Kayu di Kota Bharu. Pelajar-pelajar terdiri dari anak-anak Kelantan, pelajar dari luar Kelantan termasuklah yang di seberang laut.²¹

Mata pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah agama ini bukan sahaja mata pelajaran agama seperti Tauhid, Fiqh, Sifat-sifat 20, hukum sembahyang, Sejarah Islam dan Tajwid, tetapi juga mata pelajaran sekular seperti Surat-menysurat, Rencana, Ilmu Hisab, Ilmu Alam dan juga Bahasa Inggeris.²²

Pada tahun 1918, Majlis telah mempergiatkan lagi usaha untuk meninggikan persekolahan agama di Kelantan dengan mendirikan beberapa buah sekolah lagi. Antaranya ialah di Pasir Mas dan Pasir Puteh pada 1918, manakala pada 1 Ogos 1919 di Kampung Kutan. Pelajaran yang diajar adalah

²⁰ Sa'ad Shukri bin Haji Muda, *op. cit.*, h. 129.

²¹ Abdullah Alwi Haji Hassan, *op. cit.*, h. 196.

²² Nik Abdul Aziz Hj. Nik Hassan (1977), *op. cit.*, h. 105-106.

sama dengan sekolah lain, cuma perbezaannya ialah pada sebelah petang diajar Bahasa Arab, Fiqh dan beberapa mata pelajaran agama. Pada tahun 1924, sekolah-sekolah di Pasir Mas, Pasir Puteh dan Kutan telah ditutup akibat masalah kewangan Majlis.²³

Majlis terpaksa menunggu sehingga tahun 1937 untuk membuka sebuah sekolah Arab di Kelantan akibat masalah kewangan. Pada 1 April 1937, sekolah Arab yang pertama telah dibuka iaitu Madrasah Muhammadiyah Arabiah. Pada awal pengajiannya terdapat seramai 75 orang pelajar dengan tiga orang guru iaitu Sayyid Abu Bakar Abdullah al-Attas yang bertindak sebagai pengetua, Haji Wan Daud dan Haji Wan Yusuf Haji Wan Hassan sebagai penolongnya.²⁴

Terdapat juga sekolah-sekolah agama yang didirikan oleh orang perseorangan atau individu tertentu. Kewangan bagi membiayai sekolah ini datangnya daripada wang khairat, derma orang ramai dan melalui yuran sekolah. Ia dinamakan Sekolah Agama Rakyat. Sebilangan besar sekolah-sekolah rakyat ini telah didaftarkan di bawah Majlis.

Pada tahun 1952 M, terdapat 10 buah sekolah agama kerajaan yang dibiayai oleh MAIK. Antaranya ialah Madrasah ‘Arabiah Merbau Kota Bharu,

²³ Abdul Razak Mahmud (1992), *Tujuh Puluh Lima Tahun Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Warisan Kelantan XI*, Kuala Lumpur: Perbadanan Muzium Kelantan, h. 12.

²⁴ Badan Persuratan dan Penerbitan Maahad Muhammadi, *Majalah al-Nur*, Bil. 13, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Mac 1979, h. 2.

Madrasah 'Arabiah Pasir Mas, Madrasah Falahiah Pasir Pekan, Madrasah Amir Indera Putera Beris dan Madrasah Isma'iliyah Semerak. Sekolah-sekolah agama rakyat dan kerajaan semakin bertambah pesat selepas tamat Perang Dunia Kedua. Sekolah agama rakyat ini ada yang mendapat bantuan daripada kerajaan. Campurtangan daripada kerajaan ini, memberi kesan yang baik kepada pelajar-pelajar sekolah itu dan dengan ini juga telah menjadikan susunan pelajaran semakin kemas dan teratur.²⁵

Dalam tempoh dua dekad (1940–1960), persekolahan Majlis ini berada di peringkat kemuncak, makmur dan gemilang. Ramai pelajar yang menyertai persekolahan ini sama ada lepasan pondok atau separa pondok. Selain daripada itu, kesan daripada Perang Dunia Kedua juga telah menjadikan sekolah ini sebagai “wadah” tempat untuk menampung bahang semangat nasionalisme.²⁶

Pada tahun 1970-an, perkembangan sekolah-sekolah agama di Kelantan menghadapi pelbagai masalah. Sekolah-sekolah agama yang ditadbir oleh Majlis tidaklah memberi masalah yang besar dari segi pengurusannya, tetapi yang menimbulkan masalah ialah Sekolah-sekolah Agama Rakyat. Antara masalahnya ialah ketidakselarasan dari segi pentadbiran seperti masalah kewangan, sukatan pelajaran, peralatan belajar dan kekurangan guru. Keadaan ini telah membawa kepada kemunduran sekolah-sekolah itu. Terdapat juga beberapa buah sekolah yang terpaksa ditutup. Contohnya, pada tahun 1972,

²⁵ Nik Mohamad Nik Mohd. Salleh (1985), *op. cit.*, h. 111.

²⁶ Abdul Razak Mahmud, *op. cit.*, h. 10.

terdapat 189 buah sekolah yang didaftar di bawah Majlis tetapi menjelang tahun 1973, hanya 87 buah sekolah sahaja yang terus berfungsi.²⁷

IV. Penubuhan Yayasan Islam Kelantan

Melihat kepada faktor-faktor kemerosotan yang menyebabkan kemunduran sekolah-sekolah agama, Fenomena ini telah menarik perhatian pihak kerajaan negeri untuk menyusun dan mengatur strategi bagi memperkemaskan lagi institusi pendidikan di negeri Kelantan.

Kerajaan Negeri Kelantan telah mengambil inisiatif untuk mengambil alih semua sekolah agama di bawah Majlis Agama Islam dan Sekolah Agama Rakyat. Bagi mencapai hasrat ini, kerajaan negeri telah memberi kuasa kepada Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri bagi menyediakan kertas kerja menubuhkan satu jabatan baru untuk sekolah-sekolah agama. Jabatan ini telah dikenali sebagai ” **Jabatan Sekolah-sekolah Agama** ” atau JASA. Ianya telah dilancarkan pada 1 Julai 1974 oleh Datuk Haji Ishak Lutfi selaku Menteri Besar Kelantan di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri (YPTIK). Semenjak itu JASA telah mengambil alih semua sekolah agama di Kelantan.²⁸ Pada masa itu pejabatnya di tempatkan di Lundang .

²⁷ Muhammad Nawi Hasyim (1984), *Sinar Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 8.

²⁸ Abdullah Alwi Hj. Hassan (1980), *op. cit.*, h. 217.

Jabatan ini telah diletakkan di bawah Majlis Tertinggi Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) dengan Enakmen Nombor 9 Seksyen 4 / A / 1968 dan dibuat Enakmen pindaan 3 / 1977.²⁹ Pada Jun 1979 ia telah didaftarkan semula di bawah Enakmen Kelantan Bilangan 5/1979 dengan diberi nama **Yayasan Pelajaran Islam Kelantan (YPINK)**.

Institusi ini dipinda sekali lagi menerusi Enakmen Negeri Kelantan , bilangan 8/1982 (berkuatkuasa pada 1 hb. Mac 1983) dan diberi nama **Yayasan Islam Kelantan (YIK)**.

Sekolah-sekolah agama kini diletakkan di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang pada mulanya ia dikenali dengan nama Jabatan Sekolah-sekolah Agama Kelantan (JASA). Kemudian pada 1 Jun 1979 namanya ditukar menjadi Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan (YPINK) dan seterusnya diubah lagi menjadi Yayasan Islam Kelantan (YIK) pada 1 Mac 1983.

Sekarang terdapat sebanyak 87 buah sekolah agama yang terletak di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan (YIK), iaitu 17 buah sekolah menengah agama (Arab) kerajaan, 70 buah sekolah menengah agama (Arab) bantuan kerajaan dan 5 buah institusi pengajian yang lain.³⁰

²⁹ Yayasan Pengajian Islam Negeri Kelantan (YPINK), Bil. (5) dlm. JASA T / 143, *Strategi Pelajaran Agama YPINK*, 18 Oktober 1979, h. 1.

³⁰ Riten bulan OKTOBER 2002.

3.3 PENGAJIAN TASAWWUR ISLAM DALAM SEJARAH PENDIDIKAN DI MALAYSIA

3.3.1 Pengajian Tasawwur Islam.

Suasana dan realiti semasa di kalangan umat Islam yang memperlihatkan penyelewengan dari sudut tasawwur iaitu tanggapan yang tidak tepat dan telah menyebabkan berlakunya penyelewengan perilaku telah menuntut kepada pelaksanaan pelajaran tasawwur Islam. Keadaan ini berlaku kerana faktor luaran yang merupakan perancangan pihak musuh Islam dan faktor dalaman umat Islam sendiri yang tidak jelas tentang tasawwur Islam. Pelbagai tanggapan negatif yang dilontarkan terhadap Islam dan perlu diperjelaskan secara menyeluruh bagi memperbaiki tanggapan dan tasawwur masyarakat terhadap Islam.

Bagi merealisasikan hakikat tersebut, telah diadakan Kongres Pemuda Islam Sedunia Pertama pada tahun 1972 diikuti pula dengan Kongres Pemuda Islam Sedunia Kedua yang telah diadakan di Riyadh pada 23 Zulkaedah hingga 3 Zulhijjah 1393H, bersamaan 17 hingga 27 Disember 1973. Dalam perbincangan tersebut telah membuat resolusi kepada negara-negara Islam kepada perlunya pembebasan institusi pendidikan daripada belenggu acuan lain dan digubal kurikulum pendidikan selaras dengan acuan Islam.³¹

Selepas itu telah diadakan pula Kongres Pendidikan Islam Sedunia Pertama yang telah diadakan di Makkah pada tahun 1977 telah membuat suatu resolusi

³¹ Kongres Pemuda Islam Sedunia (1976), Kertas Kerja Pemikiran Islam Moden, c. Riyadh.

menyatakan bahawa pendidikan Islam perlu disusun kembali berteraskan pendekatan bersepadu atau intergrasi di antara ilmu wahyu dan ilmu aqli.

Seperti dinyatakan sebelum ini, bahawa konsep dan disiplin kepada tasawwur Islam mula diperkata dan diperkenalkan oleh salah seorang tokoh pergerakan Ikhwan al-Muslimin di Mesir iaitu Syed Qutb (1987) melalui tulisannya dalam kitab “Khaṣāiṣ al-Taṣawwur al-Islāmi wa Muqawwimātuh “. Konsep ini diolah dengan lebih terperinci oleh Dr. Yusoff Al-Qardhawi dalam kitabnya “al-Khaṣāiṣ al- ‘Āmmah li al-Islām (1990), konsep secara yang komprehensif tentang Tasawwur Islam ini juga dihuraikan oleh Abū al-A'lā al-Maudūdi, pemimpin jemaah Islam Pakistan didalam bukunya “fundamentals of Islam” dan Prof. Dr. Mohammad Hamidullah dalam buku “The Principles of Islam”.

Hasil dari perbincangan tokoh utama tersohor dan mewakili pemimpin jemaah Islam secara peribadi dan kemudian diikuti dengan perbincangan dibeberapa persidangan peringkat antarabangsa yang diadakan semenjak 1972,1973,1977 dan lain-lain telah melahirkan tulisan seumpama oleh tokoh ulama` tempatan seperti Prof. Dr. Haron Din, dan turut diperkatakan dalam beberapa persidangan – persidangan Kebangsaan sekitar tahun – tahun 1970an dan seterusnya.

Perbincangan oleh individu setempat dan oleh persidangan peringkat kebangsaan di Malaysia yang menyentuh tentang kepentingan pendidikan tasawwur Islam dalam sistem pendidikan negara adalah diasaskan kepada

kededaran bahawa penyelewengan sesetengah umat Islam di Malaysia juga tidak terkecuali diwarnai oleh penyelewengan ummat di negara-negara lain yang melibatkan tasawwur dan perilaku. Ia sebagai langkah untuk melengkapkan dan memantapkan lagi kedudukan pendidikan Islam disekolah–sekolah pada semua peringkat samada peringkat rendah, menengah dan tinggi.

Sebelum diperkatakan tentang sejarah awal pengenalan pendidikan tasawwur Islam di sekolah dan di seluruh negara, adalah perlu difahami dalam konteks sejarah tentang kedudukan pendidikan Islam dalam sistem pendidikan dan sejarah kelahiran Sekolah–sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) kerana pengajian tasawwur Islam diperkenalkan sebagai pelajaran tambahan selepas matapelajaran pendidikan Islam. Dari sudut yang lain, ianya juga diperkenalkan dan layak diambil oleh para pelajar yang mengikuti pelajaran di Sekolah–sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) diseluruh negara begitu juga dengan pelajar di Sekolah–sekolah Agama Negeri (SAN) atau jabatan agama dan Sekolah–sekolah Agama Rakyat (SAR).

3.3.2 Pendidikan Islam Dalam Dasar Pendidikan Negara.

Perlembagaan Malaysia bab 1 perkara 3 menyatakan bahawa Islam adalah agama negara dan dalam hal – hal yang berkaitan dengan urusan agama Islam adalah terletak di bawah kuasa raja – raja Melayu.³²

³² Perlembagaan Malaysia bab 1, Perkara 3

Berasaskan masalah pendidikan agama Islam adalah merupakan tanggungjawab kerajaan yang dalam hal ini adalah menjadi tanggungjawab raja-raja melayu. Melaluinya, kerajaan berhak mengadakan anggaran belanjawan khusus bagi memenuhi keperluan pendidikan dan pelajaran agama Islam serta mendirikan yayasan-yayasan Islam bagi memenuhi tujuan tersebut. Antara tanggungjawabnya juga, memperkembangkan serta memajukan pendidikan Islam.³³ Pengenalan pendidikan Islam dalam sistem pendidikan negara sudah bermula semenjak sebelum merdeka lagi. Apabila seksyen 70 dan 86 ordinan pelajaran 1952 memasukkan matapelajaran agama Islam bersama – sama pelajaran lain.³⁴ Walaubagaimanapun, syor tentang pelajaran agama Islam di sekolah pada peringkat rendah dan menengah masih diperingkat asal dan bersifat sekadar laporan sahaja³⁵ bahkan pelajaran agama Islam disekolah rendah kekal berjalan pada sebelah petang dibawah tanggungjawab jabatan agama atau majlis agama negeri-negeri, keadaan ini menunjukkan bahawa pihak penjajah Inggeris pada waktu itu tidak serius melaksanakan tuntutan yang diperlukan bagi kemajuan pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah.

Penyata Razak 1956 pula telah mencadangkan supaya matapelajaran agama Islam dianggap matapelajaran formal yang mesti diajar di sekolah-sekolah bantuan kerajaan. Berdasarkan tuntutan itu, pelajaran agama Islam telah diberikan peruntukan masa dalam kurikulum pelajaran menurut ordinan pelajaran 1957 seksyen 49 yang menyebutkan bahawa “ mana-mana sekolah bantuan kerajaan yang didapati 15 orang atau lebih murid-murid yang beragama Islam, murid-

³³ Sufian Hasyim (1984), *Mengenai Perlembagaan Negara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 208

³⁴ Persekutuan Tanah Melayu, Ordinan Pelajaran 1952 seksyen 70 / 86, 1962

³⁵ Abdullah Ishak, *op.cit.* h. 49-50

murid itu hendaklah diajar agama Islam.”³⁶. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal belum ada jawatan guru agama diperkenalkan. Kerana itu pelajaran agama Islam diajar oleh guru yang mempunyai pengetahuan agama Islam di sekolah.

Ordinan Pelajaran 1957 memperlihatkan keadaan yang lebih baik kepada pengetahuan agama Islam dalam sistem pendidikan negara berbanding ordinan 1952 kerana ordinan baru ini telah memperuntukkan pelajaran pengetahuan agama Islam diperingkat sekolah rendah dan sekolah menengah kebangsaan serta jenis kebangsaan. Walaubagaimanapun, pelaksanaannya belum berjalan dengan sempurna sehinggalah tahun berikutnya. Malah pelaksanaannya mengalami banyak masalah kerana tidak ditentukan dengan jelas pihak yang sebenar berkuasa mengambil tanggungjawab menguruskan perbelanjaan melaksanakan pengajaran agama Islam.³⁷

Perkembangan berikutnya pada tahun 1960, jawatankuasa penyemak pelajaran dibentuk yang dikenali dengan laporan Rahman Talib yang bertujuan untuk menyemak semula pelaksanaan dan perjalanan pembelajaran agama Islam serta menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku terhadap pelaksanaan ordinan pelajaran 1957. Justeru itu, pendidikan agama Islam di sekolah bagi semua peringkat di Malaysia secara rasmi bermula setelah dikuatkuasa akta pelajaran 1961 berdasarkan syor yang dibuat oleh laporan penyemak.³⁸

Hasil dari syor penyata Rahman Talib, ‘Akta Pelajaran 1961’ memperuntukkan seksyen 36 (1) dan (2) dengan memperwajibkan sekolah-

³⁶ federation of Malaya, report of education

³⁷ laporan mengenai pelaksanaan dasar pelajaran terhadap pelajaran agama Islam.

³⁸ Abdul Halim Hj. Mat Diah (1989), *Pendidikan Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, h.7

sekolah bantuan kerajaan mengadakan pelajaran agama Islam kepada murid-murid beragama Islam selama 2 jam seminggu sekiranya terdapat di sekolah 15 orang atau lebih pelajar-pelajar beragama Islam. Berhubung dengan perbelanjaan pula, seksyen 37 (1), (2) dan (3) akta yang sama menyatakan bahawa perbelanjaan mengendalikan pelajaran agama Islam di sekolah menengah menjadi tanggungjawab kerajaan pusat, namun di peringkat sekolah rendah menjadi tanggungjawab kerajaan-kerajaan negeri sesuai dengan peruntukan perlembagaan yang menyatakan persoalan berkaitan dengan agama menjadi tanggungjawab kerajaan negeri.³⁹ Dengan itu, adalah menjadi bebanan baru kerajaan-kerajaan negeri untuk memenuhi tanggungjawab sedangkan sumber kewangan kerajaan-kerajaan negeri kecil berbanding dengan kerajaan persekutuan. Walaubagaimanapun, pada tahun 1974 kerajaan pusat telah bersetuju mengambil tanggungjawab sepenuhnya berkaitan dengan pendidikan agama di sekolah bantuan kerajaan peringkat rendah dan menengah.

Walaupun kedudukan pengetahuan agama Islam lebih baik dalam akta pelajaran 1961, namun akta tersebut hanya menjelaskan bahawa mata pelajaran pengetahuan agama Islam hanya wajib diadakan untuk diikuti oleh murid-murid yang beragama Islam sahaja tetapi tidak diwajibkan sebagai mata pelajaran wajib dalam peperiksaan dan ujian.⁴⁰ Akta ini tidak mewajibkan bukan Islam mengikuti pendidikan Islam agar pelaksanaan akta tersebut tidak menimbulkan sensitiviti masyarakat bukan Islam yang jumlahnya besar di negara ini. Manakala akta yang sama tidak mewajibkan pendidikan Islam sebagai pelajaran wajib dalam peperiksaan dan ujian agar pelajar Melayu Islam tidak dibebankan dengan

³⁹ Akta Pelajaran 1961 seksyen 3C

⁴⁰ Abdul Halim Hj. Mat Diah (1989), *Op.Cit.*, h. 8

bebanan yang besar dalam peperiksaan dan memberi kesan kepada gred pencapaian pelajar melayu Islam dalam sebarang peperiksaan peringkat nasional. Namun demikian, dengan menjadikan mata pelajaran pendidikan Islam hanya sebagai mata pelajaran pilihan bukan mata pelajaran wajib peperiksaan peringkat nasional telah mengurangkan tumpuan pelajar dan ibu bapa kepada mata pelajaran tersebut. Ini telah membantut kesan menyeluruh dan sepenuhnya pendidikan Islam kepada pembinaan sahsiah, akhlak dan maklumat pelajar kerana ia bergantung kepada hanya sekumpulan pelajar dan ibu bapa yang memberi perhatian sahaja. Jelas dari kenyataan ini bahawa sehingga tahun 1961, mata pelajaran agama Islam wujud dalam sistem pendidikan negara sebagai mata pelajaran pilihan untuk dipelajari kerana ia mata pelajaran pilihan dalam Ujian Negara. Sebagai lanjutan dari akta ini, jawatankuasa kabinet mengkaji Dasar Pelajaran Negara yang dibentuk pada 1979 telah memutuskan bahawa pelajaran agama Islam bukan sahaja wajib diajar tetapi mereka juga wajib mengikuti peperiksaan di dalam mata pelajaran tersebut.⁴¹

Perkembangan seterusnya pada era kepimpinan perdana menteri sekarang, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed, atau lebih khusus pada zaman Dato' Musa Hitam sebagai Menteri Pendidikan, tumpuan telah diberikan bagi memperbaiki kedudukan pendidikan agama Islam apabila ditubuhkan "Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam". Ia bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti pembelajaran pendidikan Islam. Hasil dari desakan persidangan pendidikan di peringkat antarabangsa (dunia Islam) dan persidangan peringkat nasional, maka Kementerian Pendidikan membuat cadangan

⁴¹ *Ibid*, h.13

memperkenalkan beberapa pelajaran baru berkaitan pendidikan Islam. Pada 1989 Kementerian Pendidikan Malaysia telah mula melaksanakan kurikulum bersepadu pada semua peringkat persekolahan rendah dan menengah. Pada sesi 1991 / 1992 empat mata pelajaran elektif tentang Islam telah diperkenalkan di peringkat menengah atas. Mata pelajaran tersebut ialah Pendidikan Islam, Pendidikan Syariah Islamiyah, Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah dan Tasawwur Islam. Manakala di peringkat menengah pula diperkenalkan Pengetahuan agama tinggi (untuk sekolah menengah agama) di samping pengetahuan agama rendah (untuk sekolah menengah biasa). Bagi memantapkan dan menyediakan guru berkelayakan mengajar mata pelajaran Islam, Maktab Perguruan Islam turut memperkenalkan pengajaran tersebut dalam kurikulum latihannya.

3.3.3 Aliran Persekolahan Agama Dalam Sistem Pendidikan Negara

Adalah tidak lengkap perbahasan mengenai pengenalan mata pelajaran Tasawwur Islam dalam sistem pendidikan negara tanpa perbahasan mengenai aliran persekolahan agama dalam sistem pendidikan negara kerana mata pelajaran Tasawwur Islam yang diperkenalkan di samping mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Islam Tinggi, pengajian Syariah, Usuluddin, ulum al-Quran dan lain-lain lagi diperkenalkan sebagai komponen mata pelajaran khusus bagi memenuhi keperluan persekolahan negara bagi aliran agama atau sekolah menengah agama Kementerian Pendidikan.

Hakikat yang perlu disedari bahawa persekolahan agama adalah merupakan sistem persekolahan terawal di Malaysia semenjak tahun 1920an dan 1930an lagi. Ia adalah kesinambungan sistem pendidikan pondok yang telah bertapak di Malaysia semenjak kurun ke-17 dan 18 lagi. Pertumbuhan sekolah-sekolah agama rendah dan menengah yang dibangunkan oleh institusi agama negeri-negeri, majlis-majlis agama negeri atau oleh masyarakat awam yang dikenali dengan sekolah agama rakyat, sebagai contoh di Kelantan antara sekolah agama terawal ditubuhkan ialah: Madrasah Khariyyah di Lorong Tok Semian (ditubuhkan pada 1910), Madrasah Muhammadiyah di Jalan Sultan, Kota Bharu (ditubuhkan pada 1917), Madrasah al-Mashoor di Pulau Pinang dan Madrasah al-Irshad di Tasik Gelugor, Seberang Prai (ditubuhkan pada 1936).

Semenjak sebelum merdeka lagi iaitu sekitar tahun 1955, Malaysia telah mempunyai pusat pengajian tinggi Islam apabila Sultan Selangor telah menghadiahkan istananya di Kelang untuk dijadikan institusi pengajian tinggi Islam. Institusi ini dikenali dengan Kolej Islam Malaya. Almarhum Profesor Dr. Zulkifli Muhammad dan Ustaz Abu Bakar Hamzah adalah antara tokoh ulama' Islam yang pernah berkhidmat sebagai tenaga pengajar di sini sebelum mereka menceburkan diri dalam arena politik PAS. Kolej Islam Malaya kekal sebagai institusi pendidikan tinggi Islam yang menjadi kemuncak kepada persekolahan agama di seluruh Malaysia sehingga tahun 1966 apabila kursus tertinggi Kolej Islam Malaya dipindah sebagai Fakulti Pengajian Islam (UKM) di Petaling Jaya dan kemudiannya di Bangi.⁴²

⁴² Kolej Islam Sultan Alam Shah,
<http://www.geocities.com/CollegePark/Union/4222/sejarah1m.htm>, 10 Jun 2003.

Pada tahun-tahun 60an ketika Tun Abdul Rahman Yaakob sebagai menteri pelajaran sementara Ustaz Nik Mahyuddin Musa sebagai Pengetua Kolej Islam Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dibuka dan telah diwujudkan Fakulti Pengajian Islam. Semenjak itu Kolej Islam Malaya telah ditukar fungsi dan kedudukannya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kepada sekolah kebangsaan walaupun namanya masih dikekalkan sebagai Kolej Islam Malaya. Ustaz Nik Mahyuddin Musa juga ditukarkan dari kedudukannya sebagai Pengetua Kolej Islam kepada jawatan baru sebagai Pengarah Pendidikan Islam di Kementerian Pendidikan bermula pada tahun 1975 hingga ke akhir tahun 70an⁴³. Semasa beliau menjadi Pengarah Pendidikan Islam di Kementerian Pendidikan, beliau telah meluaskan pemikiran ke arah meluaskan rangkaian sekolah-sekolah menengah agama di seluruh negara selari dengan perubahan Kolej Islam Malaya.

Perlu diberi peringatan bahawa Kolej Islam Malaya walaupun berubah kedudukan sebagai institusi pendidikan tinggi Islam namun tidak bererti perubahan ini menamatkan sama sekali kewujudan institusi pengajian tinggi Islam sebagai kemuncak kepada aliran persekolahan agama. Perbezaan antara Kolej Islam Malaya sebagai Institusi Pendidikan Tinggi Islam dengan Fakulti Pengajian Islam UKM hanyalah dari sudut bahasa pengantarnya sahaja kerana UKM menggunakan bahasa Melayu sebagai pengantarnya sedangkan Kolej Islam Malaya sebelum ini menggunakan bahasa Arab sebagai pengantar pengajarannya. Manakala kelahiran Kolej Islam Malaya (versi baru) dan diikuti dengan pertumbuhan sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama bererti bermulanya

⁴³ Temubual dengan Tuan Haji Mohd. Alwi bin Yusoff, Pemangku Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Malaysia: Merupakan bekas Pengarah Jabatan Pendidikan Islam dan Moral ke-4 (1991-1998) di SMU(A) Maahad Tahfiz al-Quran, Pulau Chondong pada 08 Januari 2004.

siri baru di mana Kementerian Pendidikan terlibat sama secara langsung dalam memajukan persekolahan agama yang sebelumnya hanya dijalankan oleh institusi agama (Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri) dan masyarakat awam. Dari sudut lain sistem persekolahan agama tajaan Kementerian Pendidikan adalah merupakan persekolahan agama yang bersifat integrasi kerana para pelajar bukan sahaja didedahkan dengan pelajaran agama tetapi juga pelajaran lain dalam aliran kebangsaan seperti sains, matematik dan lain-lain. Keadaan ini menjadikan lepasannya layak melanjutkan pelajaran ke fakulti-fakulti agama universiti tempatan dan luar Negara juga layak meneruskan pengajian ke fakulti-fakulti lain seperti perubatan, ekonomi dan lain-lain.

Sebelum ini Kementerian Pendidikan tidak begitu banyak terlibat dalam sistem persekolahan agama kecuali sekadar menyalurkan bantuan perkapita kepada sekolah-sekolah agama negeri dan sekolah agama rakyat. Semenjak penubuhan dan penglibatan Kementerian Pendidikan dalam persekolahan agama dengan menaja sekolah-sekolah kebangsaan agama kementerian mula membuat perundingan dengan pihak berkuasa negeri (Majlis atau Jabatan Agama Negeri) dan masyarakat awam bagi menyerahkan beberapa buah sekolah di bawah tadbiran mereka kepada pihak Kementerian Pendidikan. Antara sekolah terawal yang diambil alih oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 1977 dan dijadikan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama ialah: SMKA al-Irshad (ditubuh tahun 1936)⁴⁴, SMKA Sheikh Hj. Mohd Said (ditubuh tahun 1959)⁴⁵ dan Maahad Hamidiah Kajang (ditubuh tahun 1963).⁴⁶

⁴⁴ SMKA al-Irshad, <http://www.angelfire.com/ia/smai/sejarahsiap.html>, 11 Jun 2003

⁴⁵ SMKA SHAMS NS, <http://smkashams.www2.dotnetplayground.com/sej.asp>, 11 Jun 2003

⁴⁶ SMKA Maahad Hamidiah, <http://www.shalhitech.com.my/MaahadHamidiah/sejarah.htm>, 11 Jun 2003

Di negeri Kelantan pula Sekolah Agama Falahiah di Pasir Pekan dan Sekolah Agama Naim Lilbanat Kota Bharu telah diambil alih oleh Kementerian Pendidikan menjadi sebahagian rangkaian sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama Kementerian Pendidikan pada 1977. Sejak dari itu di Malaysia terdapat tiga komponen sekolah agama iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Kementerian Pendidikan, Sekolah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Dalam konteks negeri Kelantan pula ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Ugama (Arab) (SMUA) dan Sekolah Menengah Ugama (Arab) (SMUA) bantuan kerajaan.

Sesuai dengan perubahan ke arah penglibatan Kementerian Pendidikan dalam pembangunan sistem persekolahan agama menjadikan tanggungjawab Kementerian Pendidikan menggubal mata pelajaran agama tambahan kepada subjek pengetahuan agama Islam yang sebelumnya yang diajar disemua sekolah kerajaan peringkat rendah dan menengah. Subjek agama tambahan perlu dirangka bagi membezakan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dengan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Antara subjek agama yang diperkenalkan ialah Bahasa Arab atau Bahasa Arab Komunikasi pada sekolah menengah rendah, sementara subjek Pengetahuan Agama Islam, Pengetahuan Agama Islam Tinggi dan Bahasa Arab yang kemudiannya pula ditambah matapelajaran Tasawwur Islam bagi tingkatan empat dan lima pada tahun 1992. Sementara matapelajaran pendidikan syariah, usuluddin, ulum al-Qur'an, sejarah Islam dan bahasa Arab pula untuk tingkatan enam bawah dan atas.

Matapelajaran-matapelajaran ini bukan sahaja sebagai sukatan pelajaran yang diajar, malah telah menjadi komponen matapelajaran peperiksaan peringkat SRP (PMR), SPM dan STPM. Di samping itu juga Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) telah diintegrasikan dengan aliran kebangsaan lain kerana pelajarannya mengikuti pelajaran-pelajaran lain. Melalui perkembangan ini lahirlah subjek Tasawwur Islam sebagai satu komponen matapelajaran agama Islam yang diperkenal dan dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama.

Mata pelajaran tasawwur Islam dalam KBSM adalah satu subjek yang telah diperkenalkan kepada pelajar menengah atas dan terbuka kepada semua pelajar. Ianya selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Islam yang menekankan kepada perkembangan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek dengan harapan akan dapat memperluaskan kefahaman Islam dan memperkukuhkan pegangan terhadap nilai hidup Islam seterusnya menjadi hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa dan beramal solih.

Objektif matapelajaran Tasawwur Islam ini diperkenalkan dalam sukatan KBSM ialah sebagaimana berikut:

- I. Memahami peranan serta kedudukan wahyu dan akal.
- II. Memahami bahawa Islam adalah agama yang lengkap.
- III. Memahami asas dan bentuk pemerintahan negara Islam.
- IV. Memahami peranan sistem kehakiman dan matlamatnya.

- V. Memahami peranan dan tanggungjawab individu terhadap masyarakat dan negara.
- VI. Membezakan budaya Islam dengan bukan Islam.
- VII. Mengakui bahawa segala ajaran Islam bersifat “alamiyyah” dan tidak bertentangan dengan fitrah manusia dan zaman.
- VIII. Mengamalkan perkara yang baik dan menghindari perkara mungkar.
- IX. Mengenal pasti kebenaran Islam seterusnya memahami secara terperinci konsep-konsep Islam dalam kehidupan.
- X. Memberi ruang kepada pelajar bukan Islam untuk memahami Islam dari segenap aspek.
- XI. Memahami konsep ekonomi Islam.
- XII. Memahami falsafah dan sistem perundangan Islam.
- XIII. Mengemukakan cadangan dan pandangan penyelesaian masalah menurut perspektif Islam dalam pelbagai bidang.⁴⁶

3.3.4 Sekolah Agama Negeri Kelantan Dan Arus Persekolahan Kebangsaan

Persekolahan agama di Kelantan dahulunya diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Kelantan dan sekarang ini di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK), begitu juga dengan sekolah agama bantuan atau naungan. Di samping membuat perancangannya yang tersendiri, sistemnya pengajiannya juga tidak terlepas dan terpisah dengan perkembangan di peringkat kebangsaan. Inilah yang menjadi perbezaan sistem persekolahan agama di Kelantan dan menjadikannya sentiasa di hadapan. Ustaz Nik Mahyuddin Musa ketika menjadi pengasas Sekolah Menengah Islah membentuk sistemnya yang tersendiri di

⁴⁶ Kementerian Pendidikan Malaysia (1991), *Sukatan Pelajaran Tasawwur Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

sekolahnya, manakala Ustaz Hassan Idris telah menggubal pembahagian sekolah agama kepada tiga peringkat iaitu Ibtidai', I'dadi dan Thanawi di samping memperkenalkan peperiksaan bagi semua sekolah agama. Dalam mengikuti arus perdana sekolah agama telah membuka ruang kepada pengajaran mata pelajaran dalam sistem kebangsaan dan membolehkan para pelajar mengikuti peperiksaan PMR, SPM dan STPM di samping peperiksaan PMRU, SMU dan STU.

Berasaskan perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan kebangsaan, Kementerian Pendidikan terlibat secara langsung dalam memajukan sekolah agama berdasarkan integrasi sistem dan melaluinya Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan mata-mata pelajaran baru di sekolah. Dalam sistem peperiksaan PMR, SPM dan STPM, sekolah agama seperti SMU(A) kerajaan dan SMU(A) bantuan kerajaan turut memperkenalkan dan mengajarkan mata pelajaran tersebut seperti matapelajaran Pengajian Agama Islam Tinggi, Tasawwur Islam, Pengajian Syariah, Usuluddin, Ulum al-Quran dan lain-lain mata pelajaran di sekolah-sekolah di bawah tadbirannya.

Mata pelajaran Tasawwur Islam mula diajar di SMU(A) Yayasan Islam Kelantan di tingkatan empat pada tahun 1992⁴⁸ dan para pelajar telah menduduki peperiksaan SPM pada tahun 1993⁴⁹.

⁴⁸ Temubual dengan Ustazah Radhiah bt. Ibrahim, bekas pelajar SMU(A) Maahad Muhammadi (P) pada 30 Disember 2003.

⁴⁹ Temubual dengan Ustaz Mohamad bin Yusoff, bekas pelajar SMU(A) Maahad Muhammadi (L) pada 3 Januari 2004.

3.4 PENGAJIAN TASAWWUR ISLAM DALAM SISTEM PERSEKOLAHAN YIK

Sekolah-sekolah di bawah kelolaan YIK adalah merupakan sekolah yang menerima pakai dua kurikulum pengajian dalam satu masa. Ia merupakan gabungan jalin antara sistem persekolahan Arab/ugama dengan sistem persekolahan kebangsaan iaitu kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM).

Para pelajar SMU(A) YIK mempelajari dua kurikulum tersebut dan mengikuti setiap peperiksaan yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dua jenis kurikulum tersebut ialah:

3.4.1 Kurikulum Arab dan Ugama

Para pelajar di SMU(A) Yayasan Islam Kelantan mengikuti kurikulum pengajian agama yang digubal oleh Bahagian Kurikulum Yayasan Islam Kelantan. Mulai sesi persekolahan 1993/94, kurikulum Bahasa Arab dan Ugama di SMU(A) YIK telah menerima pakai dengan sepenuhnya kurikulum Maahad Bu`uth al-Azhar. Untuk persijilan Arab/ugama, para pelajar akan menempuh peperiksaan berikut:

I - Penilaian Menengah Rendah Ugama (PMRU)

II – Sijil Menengah Ugama (SMU)

III- Sijil Tinggi Ugama (STU) atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)

Dalam sistem persekolahan Arab/ugama, pelbagai subjek yang ditawarkan berkait rapat dengan pengajian Tasawwur Islam. Antara ilmu yang dimaksudkan ialah pengajian ilmu *Usuluddin, Fiqh, Usul Fiqh, Tasawuf, Tafsir, Hadith, Kesusasteraan Islam, Bahasa Arab, Sejarah dan Tamadun Islam*.

3.4.2 Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM)

Sementara untuk persijilan akademik, YIK telah menggunakan sepenuhnya kurikulum kebangsaan yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Melalui kurikulum ini para pelajar layak mengikuti setiap peperiksaan yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia seperti:

I - Penilaian Menengah Rendah (PMR)

II – Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

III- Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)

Subjek pengajian Tasawwur Islam (KBSM) adalah merupakan subjek elektif yang ditawarkan kepada calon SPM bagi tingkatan empat dan lima. Subjek ini mula diperkenalkan di SMU(A) YIK pada awal tahun 90-an apabila subjek tersebut ditawarkan sebagai subjek elektif dalam peperiksaan SPM. Oleh kerana YIK menerima pakai sukatan daripada Kementerian Pendidikan, sukatan pengajian Tasawwur Islam turut diajar di SMU(A) YIK.

Kandungan Pengajian Tasawwur Islam memang luas dan mencakupi pelbagai bidang Ilmu. Namun pengajian ini telah membataskan kepada beberapa aspek mengikut sukatan pelajaran iaitu asas pemikiran Islam, pandangan hidup Islam, perundangan Islam, ekonomi dan penyelesaian masalah semasa yang mendesak.

Tujuan subjek ini diperkenalkan di SMU(A)YIK, adalah untuk memantapkan lagi kefahaman pelajar disamping subjek-subjek agama yang telah diikuti oleh pelajar. Subjek ini juga telah mendapat sambutan yang baik daripada para pelajar untuk mengembangkan potensi ilmu dan pemikiran mereka serta membentuk sikap positif dan dinamik.

3.5 KESIMPULAN

Kemerosotan institusi pengajian tradisional Islam bermula selepas era penjajahan barat ke atas negara-negara umat Islam. Usaha mereka untuk meneruskan kesinambungan penjajahan ke atas negara umat Islam dilaksanakan dengan pelbagai cara dan perancangan halus. Mereka telah melancarkan serangan pemikiran dan membuat berbagai-bagai propaganda yang akhirnya mereka berjaya menimbulkan pelbagai masalah dalam masyarakat Islam seperti kejahilan, budaya taqlid buta, pemimpin yang tidak amanah dan sebagainya. Mereka juga telah berjaya membuat pelbagai tanggapan negatif, sempit dan tidak praktikal terhadap Islam.

Justeru, fenomena tersebut telah melahirkan satu inisiatif untuk mewujudkan sistem pengajian Islam yang lebih tersusun dan sistematik serta seiring dengan sistem pendidikan masa kini. Suasana umat Islam dan realiti semasa pada masa kini menuntut kepada penyusunan kurikulum dan pelaksanaan pelajaran tasawwur Islam akan dapat diperjelaskan secara menyeluruh dengan pelaksanaan kurikulum yang lebih sistematik.

Untuk mewujudkan sistem pengajian Islam yang lebih tersusun dan sistematik seiring dengan perkembangan pendidikan, maka lahirlah sekolah-sekolah agama di seluruh Malaysia. Perkembangan pendidikan ini juga telah melahirkan sekolah-sekolah agama di negeri Kelantan, kemudian penubuhan Jabatan Sekolah-sekolah Agama (JASA), penubuhan Yayasan Pelajaran Islam

Negeri Kelantan (YPINK) sehinggalah membawa kepada penubuhan Yayasan Islam Kelantan (YIK) pada tahun 1983, adalah berkait rapat dengan perkembangan pendidikan Islam pada awal 1900 yang bermula dengan pengajian di masjid, surau kemudian pondok. Kelahiran sekolah agama dan Arab telah menyebabkan pengaruh pondok semakin berkurangan. Ini mungkin berpunca dari sistem persekolahan itu yang mempunyai persamaan dengan pengajian di pondok. Tambahan pula sekolah ini mempunyai sistem yang lebih baik dan teratur.